

pendapat

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain

Setiausaha Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



Keseimbangan ranking universiti, etika akademik

➔ Penarafan dijadikan strategi pengantarabangsaan untuk menyerlahkan lagi keterlihatan universiti pada peringkat global

Sejarah penubuhan universiti awam di negara ini banyak berkaitan dengan agenda mengisi kemerdekaan dan pembangunan negara bangsa.

Matlamat penubuhan universiti ketika itu lebih menurus kepada penjana modal insan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja. Justeru, kebolehpasaran graduan sentiasa dirujuk bagi menggambarkan kualiti dan kecemerlangan sesebuah universiti.

Penyertaan dalam sistem ranking memberi fokus baharu kepada universiti. Tidak dinafikan, sistem ranking dijadikan strategi pengantarabangsaan untuk menyerlahkan lagi keterlihatan universiti pada peringkat global.

Universiti yang mempunyai ranking baik dipercayai menjadi pilihan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa untuk menyambung pengajian dan mempengaruhi industri atau majikan memilih graduan yang dihasilkannya.

Agenda ranking universiti bukanlah perkara baharu. Sejak Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dilancarkan pada 2007 lagi, tiga institusi pengajian tinggi (IPT) disasar mendapat pengiktirafan antara 100 terbaik dan satu antara 50 universiti terkemuka di dunia.

Kini, sasaran mendapatkan kedudukan ranking terbaik menjadi prioriti institusi seperti yang terkandung dalam pelan strategik dan transformasi universiti masing-masing.

Kita percaya bahawa universiti penyelidikan seharusnya boleh menjadi

pemain global dan kecemerlangannya boleh ditentukan oleh ranking.

Dalam ranking QS Dunia 2018/2019 yang dikeluarkan bulan lalu, Universiti Malaya (UM) melonjak pada kedudukan 87, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan 184 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengekori rapat di kedudukan 202.

Etika, budaya

Banyak pihak mengaitkan pencapaian ranking dengan kualiti dan kecemerlangan universiti. Namun, kriteria ranking yang banyak memberi tumpuan kepada aspek kuantiti sedikit sebanyak membawa kepada isu etika dan budaya kecemerlangan akademik yang sebenar.

Perkara ini sangat membimbangkan dan menjadi satu daripada tuntutan dalam memorandum Cadangan Penambahbaikan dan Reformasi Berkaitan Pendidikan Tinggi Malaysia oleh Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pelajaran Tinggi Malaysia (PenDaPaT) kepada Menteri Pelajaran, Dr Maszlee Malik, baru-baru ini.

Kejar ranking

Tidak dinafikan, proses mengejar ranking mewujudkan amalan yang tidak menepati etika akademik sebenar khususnya dalam aspek penerbitan tidak berkualiti dan pembayaran kepada jurnal pemangsa.

Selain itu, kriteria penilaian penyelidikan oleh pihak MyRA dan IPT yang masih tertumpu kepada aspek kuantiti dan kumulatif penyelidikan, menyebabkan ramai ahli akademik

(dengan sokongan institusi) telah menerbitkan dalam jurnal pemangsa atau penerbit yang diragui kewibawaannya. Malah mereka menggunakan dana penyelidikan dan universiti untuk menampung pembayaran tinggi yang dikenakan oleh jurnal berkenaan.

Tulisan oleh Norzaini Azman dan Faridah Mydin Kutty bertajuk *Imposing Global Universiti Ranking on Local Academics Culture: Insights from the National University of Malaysia* mengaui proses mengejar ranking yang hanya memberi tumpuan kepada penerbitan jurnal berimpak tinggi turut mengabaikan aktiviti akademik lain khususnya dalam konteks sains sosial seperti penulisan buku teks dan bab dalam buku, pembangunan kursus dan kurikulum, pengeditan dokumentari serta penghasilan projek filem.

Fokus kepada jurnal berimpak tinggi juga meminggirkan jurnal akademik tempatan dalam bahasa Melayu yang tidak disenaraikan dalam indeks ISI.

Menilai prestasi

Seorang ahli akademik yang ditemu bual dalam kajian itu mempertikai bagaimana beberapa jurnal akademik tempatan dikesampingkan sedangkan jurnal seumpama ini menjadi rujukan dan dipandang tinggi dalam khalayak di Malaysia.

Seperti diketahui umum bahawa proses mengejar ranking menjadi Petunjuk Prestasi Utama atau KPI sebagai satu-satunya perkara yang perlu dicapai.

Hal ini mendorong ahli akademik hanya untuk memberi fokus kepada mencapai sasaran KPI sehingga tuntutan dan tanggungjawab bersifat *intangible* atau kualiti yang tidak boleh diukur terabai.

Mutakhir ini, beberapa universiti mula memberi fokus kepada *Key Intangible Performance* atau Petunjuk Amal Utama dalam menilai pres-



Meskipun sistem ranking akan kekal, proses mengejar ranking tidak dibenar mengganggu gugat etika akademik. Universiti tidak sewajarnya menjadi taksu kepada ukuran pencapaian dan pengiktirafan yang muluk semata-mata, jauh sekali menilai kecemerlangan

tasi tahunan ahli akademik.

Kualiti seperti integriti, keserakanan, ketekunan dan komitmen terhadap institusi perlu diambil kira dalam mengukur kecemerlangan dan prestasi. Ini akan memberikan keseimbangan kepada KPI.

Meskipun sistem ranking akan kekal, proses mengejar ranking tidak dibenar mengganggu gugat etika akademik. Universiti tidak sewajarnya menjadi taasu kepada ukuran pencapaian dan pengiktirafan yang muluk semata-mata, jauh sekali menilai kecemerlangan dalam konteks yang sempit.

Sebagai institusi keilmuan dan penyuluh kebenaran, universiti adalah benteng terakhir etika dan integriti dalam masyarakat. Justeru, keseimbangan antara proses mengejar ranking dan etika akademik perlu diperkuatkan. Matlamat sama sekali tidak menghalalkan cara.

• Penulis juga adalah Prof Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ulasan buku



Yahaya tokoh pendidikan berjiwa besar

Kuala Lumpur: Sumbangan jasa bakti Tan Sri Yahaya Ibrahim yang juga Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam dunia pendidikan negara tidak ternilai dan terhitung dengan wang ringgit.

Buku bertajuk *Yahaya Ibrahim-Ikon Pendidikan Negara* itu tentunya tidak dapat mencatat dan memuatkan semua kebaikan beliau, namun generasi yang membaca dapat menilai dan mengambil pengajaran untuk mendidik diri menjadi insan berbakti seperti yang dibuktikan oleh tokoh berkenaan.

Sumbang bakti

Buku setebal 166 muka surat hasil penulisan A Halim Ali, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan dan Ahmad Janatul Firdaus Dzulkarnain itu adalah sebagai tanda penghargaan kepada beliau yang banyak menabur bakti sejak awal penubuhan

institusi ini.

Keghairahan Yahaya terhadap dunia pendidikan diiktiraf sehingga beliau dianugerahkan *Cross of the Order of Merit of The Federal Republic of Germany* daripada Canselor Jerman kerana berjaya mendepan jurang pendidikan antara kedua-dua negara.

Selain itu, beliau turut dianugerahkan Tokoh Pendidik bagi kolej swasta pada 1991 serta Tokoh Guru Kebangsaan pada 1998.

Beliau terbabit secara aktif dalam pendidikan di sektor awam, swasta dan latihan pada semua peringkat serta mengetuai Krista Education Group di mana pendidikan awal ini digunakan secara meluas di lebih 140 francais tadika seluruh negara.

Beliau juga pernah menyumbangkan bakti di bawah pentadbiran lima Perdana Menteri Malaysia serta kepimpinan 17 Menteri Pelajaran.